astro AWANI

# Anugerah Sekolah Terbaik Dunia: Ayuh rakyat Malaysia, undi SK Kempadang

Umavathi Ramayah

September 28, 2022 14:54 MYT




*Rakyat Malaysia diajak bersama-sama membantu Sekolah Kebangsaan (SK) Kempadang yang tercalon sebagai finalis tiga teratas Anugerah Sekolah Terbaik Dunia membawa pulang kemenangan buat negara. - Foto Facebook SK Kempadang*

KUALA LUMPUR: Rakyat Malaysia diajak bersama-sama membantu Sekolah Kebangsaan (SK) Kempadang yang tercalon sebagai finalis tiga teratas Anugerah Sekolah Terbaik Dunia membawa pulang kemenangan buat negara.

Justeru, syarikat pelaburan milik kerajaan, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) Yayasan Hasanah, Yayasan Pahang, Yayasan AMIR dan LeapEd menggesa rakyat Malaysia menyatakan sokongan mereka dengan mengundi sekolah tersebut menerusi pautan https://worldsbestschool.us.launchpad6.com/2022/entry/818 sebelum 11:59 malam pada 2 Oktober ini (7.59 pagi, 3 Oktober 2022 waktu Malaysia).

"Kami sangat terinspirasi dengan daya tahan SK Kempadang dalam menghadapi pandemik COVID-19, dedikasi mereka untuk mengharungi cabaran, inovasi dalam penggunaan teknologi dan usaha bersama masyarakat Kampung Kempadang untuk membawa perubahan sebenar terhadap kehidupan murid mereka.

"Kami telah mengundi di pautan tersebut bersama-sama rakan kongsi, kami ingin menyeru semua rakyat Malaysia untuk menyokong impian SK Kempadang untuk menang, seterusnya memantapkan dan berkongsi inovasi digital SMARTZOOM mereka dengan sekolah-sekolah lain di seluruh Malaysia dalam usaha mentransformasikan pendidikan.

"Kejayaan SK Kempadang di pentas dunia akan membuktikan apa yang boleh kita capai untuk anak-anak Malaysia sekiranya kita bersatu sebagai satu bangsa," katanya dalam kenyataan bersama di sini, pada Isnin.

Menurut kenyataan itu lagi, sekolah itu tersenarai bagi kategori inovasi, dalam anugerah yang dianjurkan oleh T4 Education dengan kerjasama Yayasan Hasanah, Accenture dan American Express, selepas mencipta sistem penyelesaian digital sepenuhnya bagi mengesan kemajuan murid.

SK Kempadang mencipta penyelesaian digital SMARTZOOM, yang mengesan kemajuan pembelajaran murid, menggunakan input data daripada Google Sheets dan Google Chrome kerana semua guru di Malaysia mempunyai akaun Google khusus yang dihubungkan dengan Kementerian Pendidikan.

Pemenang bagi merebut hadiah wang tunai berjumlah AS$50,000 (RM228,925) akan diumumkan pada 19 Oktober ini.

SK Kempadang disenarai pendek daripada lebih 3,500 buah sekolah yang menghantar penyertaan dari lebih 111 buah negara.

SK Kempadang ialah sebuah sekolah rendah yang terdiri daripada murid B40 dari sebuah kampung nelayan di Pahang.